

**TEKS UCAPAN ALUAN**  
**Y.BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

*di*  
**MAJLIS ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2011**

---

*10 Oktober 2012, 8.00 malam*  
*Hotel Renaissance, Melaka*

1

Terima kasih Saudara Saudari Pengacara Majlis  
Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh & Salam Sejahtera

Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka  
Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob  
Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Terlebih dahulu, saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengalu-alukan kehadiran Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob selaku Canselor UTeM ke Majlis Anugerah Akademik Universiti 2011. Kesudian Tuan Yang Terutama Tun untuk hadir pada majlis ini, sesungguhnya amat bermakna buat semua warga UTeM. Di kesempatan ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan **Selamat Ulang Tahun** kepada Tuan Yang Terutama Tun, sesungguhnya kami semua mendoakan kesihatan yang

2

berpanjangan serta kesejahteraan yang sempurna kepada T.Y.T. Tun khususnya dalam memayungi kemajuan pembangunan di Universiti.

Seterusnya saya memohon keizinan daripada Tuan Yang Terutama Tun untuk berucap kepada hadirin sekalian.

i. Y.A.B. Datuk Seri Dr. Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam  
Ketua Menteri Melaka

ii. Y.Bhg. Tan Sri Datuk Dr Johari bin Mat  
Pro Canselor UTeM

iii. Y.Bhg. Dato' Ir. Hj. Ahmad Zaidee bin Laidin  
Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM

iv. Ahli-Ahli Lembaga Pengarah UTeM

3

v. Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi,  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

vi. Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor,  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

vii. Y.Bhg. Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman,  
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

viii. Y.Bhg. Prof. Dr. Muhammad Ghazie bin Ismail,  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

ix. Pegawai-pegawai Kanan Universiti

x. Pihak media, warga UTeM seterusnya para penerima Anugerah Akademik Universiti 2011

xi. Hadirin hadirat yang dihormati sekalian

4

## A) **KATA ALUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada Maha Pencipta Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan inayahNYa, dapat kita bersama-sama pada majlis yang penuh bermakna ini.

*Kuning emas masaknya padi, Musim menuai penat berdiri  
Sanjungan kasih sekalung budi, Kehadiran Tun Canselor majlis berseri*

2. Saya turut mengambil kesempatan ini mengalu-alukan kehadiran **Y.A.B Datuk Seri Dr. Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka**. Terima kasih di atas kesudian Y.A.B Datuk Seri menerima undangan dari pihak UTeM.

5

Tun Canselor dan hadirin sekalian,

### **(i) Matlamat Penganjuran Majlis AAU**

3. Majlis Anugerah Akademik Universiti (AAU) merupakan majlis khas yang diadakan bagi meraikan pencapaian dan kecemerlangan ahli-ahli akademik UTeM. AAU merupakan pengiktirafan tertinggi terhadap kecemerlangan ahli akademik yang merangkumi bidang pengajaran, penyelidikan serta penerbitan bahan ilmiah.
1. Penganjuran majlis seumpamanya tidak sahaja di UTeM, malah di seluruh Universiti di Malaysia selaras dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara iaitu “Memperkasakan IPT” melalui peningkatan budaya profesionalisme ahli akademik. Di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi, majlis yang sama dikenali sebagai **Anugerah Akademik Negara**.

6

2. Di UTeM, Anugerah ini telah dibahagikan kepada 7 kategori, antaranya Anugerah Tokoh Akademik, Anugerah Pengajaran, Anugerah Penerbitan Buku, Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk, Anugerah Penerbitan Jurnal, Anugerah Penyelidikan dan Anugerah Khas. Anugerah-anugerah ini berperanan dalam mengukir pencapaian dan perkembangan pendidikan tinggi di UTeM, sekali gus meningkatkan reputasi Universiti di peringkat nasional dan antarabangsa.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

**(ii) Anugerah Meningkatkan Kedinamikan Universiti :**

**(a) Pembelajaran & Pengajaran**

3. Masa hadapan sektor pengajian tinggi semakin kompleks. Ini secara tidak langsung melibatkan pemantapan dan pengukuhan dalam konteks pembelajaran dan pengajaran.

7

Justeru para akademik UTeM disarankan agar terus memberikan tugas cemerlang dalam Pembelajaran & Pengajaran – *transfer knowledge* yang ada pada diri sepenuhnya kepada pelajar, memberikan motivasi dan semangat tinggi kepada pelajar untuk mencintai ilmu. Selain itu, kelompok ahli akademik UTeM perlu sentiasa memberikan galakan dan menyokong pelajar ke tahap paling tinggi dan memberikan keunikan/kemanisan serta keselesaan semasa proses pembelajaran dan pengajaran. Hal ini termasuk pemantapan sistem penyampaian dengan kaedah terkini dan berkesan kepada semua pelajar.

**(b) Penerokaan Bidang Baru & Kepakaran yang dirujuk**

7. Senario semasa IPT menuntut transformasi pengajian tinggi melalui kemahiran serta pemikiran tekno-usahawan dan

8

inovatif. Ini selari dengan harapan negara untuk menjamin ekonomi yang mapan, mencipta pekerjaan dan kekayaan negara serta berupaya menyelesaikan isu dan cabaran di peringkat global.

8. Justeru dalam konteks Penyelidikan dan Pembangunan, para akademia berperanan meneroka ilmu baru dan melebarkan ilmu ke tahap pakar untuk dirujuk dan dihormati. Pelbagai permasalahan masyarakat dan industri boleh ditangani dengan adanya anda semua – ahli-ahli akademik yang terus menerus mencurahkan ilmu kepada pelajar dan memanfaatkan kepakaran dan pengetahuan untuk kebaikan dan kemajuan masyarakat, industri dan pembangunan ekonomi negara.

9

9. Saya menyeru marilah bersama mengharumkan nama UTeM di persada dunia dengan menjadi pakar rujuk dan duta yang relevan pada industri dan komuniti.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

**(iii) Pelan Strategik UTeM 2012-2020**

10. Selaras dengan itu, bersempena pelancaran Pelan Strategik bagi tempoh 8 tahun, maka ahli akademik UTeM perlu melakukan perubahan dan bersedia dengan iklim pendidikan yang lebih dinamik. Harapan saya agar ahli akademik UTeM menyahut hasrat 6 tema yang telah difokuskan iaitu Memacu pendidikan teknikal, Merintis teknologi masa depan, Membentuk pemimpin tekno-usahawan, Meningkatkan potensi komuniti, Pengurusan bakat serta Penjanaan pendapatan.

10

#### **(iv) Ucapan Tahniah kepada Penerima**

11. Kepada semua penerima Anugerah Akademik Universiti tahun 2011, saya merakamkan ucapan tahniah di atas pencapaian yang telah diperoleh sehingga membawa anda semua ke pentas ini. Semoga anugerah ini akan membuka ruang yang luas untuk evolusi pemikiran dan rejuvenasi budaya akademik yang cemerlang di UTeM. Semoga majlis sebegini akan terus menyuntik semangat bekerja dengan lebih berfokus dan strategik. Jadikanlah anugerah ini sebagai pendorong untuk bersama-sama ahli akademik lain untuk terus merebut peluang yang sedia ada.
  
12. Sebelum mengundur diri, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada Tun Canselor atas kesudian bersama pada majlis ini. Tidak dilupakan kepada Jawatankuasa Pelaksana yang telah bekerja keras memastikan pemilihan penerima

11

anugerah dilaksanakan dengan telus dan majlis berjalan lancar. Tahniah! Sekali lagi kepada penerima Anugerah Akademik Universiti 2011. Saya akhiri dua rangkap pantun kepada penerima anugerah :

*Tanam lenggundi tumbuh kelapa,  
Terbit bunga pucuknya mati,  
Budi tuan UTeM tak lupa,  
Sudah terpaku di dalam hati.*

*Pohon Berangan tempat bertemu,  
Girangnya rasa si anak dara,  
Berjuanglah tuan perkasa ilmu,  
UTeM cemerlang bangunkan negara.*

Wabillahitaufiqwalhidayah,  
wassalamulaikumwarrahmatullahiwabarakatuh.  
Sekian, terima kasih.

12